

NAMA :

TINGKATAN :



**VICTORIA INSTITUTION
KUALA LUMPUR**

CHECKPOINT AKHIR TAHUN 2021

PENDIDIKAN MORAL

1225

Jan 2022

**1½ jam
minit**

Satu jam tiga puluh

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan tingkatan pada ruang yang disediakan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan Bahagian B.**
4. Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

(En. Muhamad Hafis Abdullah)

(Pn. Nor Azuraidera Deraman)

Disahkan Oleh :

Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	5	
	2	6	
	3	7	
	4	7	
	5	7	
	6	8	
B	1	10	
Jumlah	7	50	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

[40 Markah]

Jawab semua soalan

1. Gambar Rajah 1 di bawah menunjukkan satu perbuatan yang melanggar peraturan sekolah.



Rajah 1

- (a) Namakan perbuatan pada Rajah 1 di atas.

_____ [1 markah]


- (b) Nyatakan **DUA** nilai yang sepatutnya diamalkan oleh seorang murid di sekolah.

- (i) _____
(ii) _____ [2 markah]

- (c) Terangkan sebab-sebab masih berlakunya kejadian buli di sesebuah sekolah.

_____ [2 markah]

2. Gambar Rajah 2 di bawah menunjukkan satu kempen kesedaran alam sekitar.



Rajah 2

(a) Apakah kebaikan yang diperolehi daripada kempen kesedaran di atas?

[1 markah]

(b) Nyatakan **DUA** cara lain untuk memelihara alam sekitar kita.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Senaraikan **SATU** agensi yang mempromosikan kempen tersebut.

[1 markah]

(d) Ramalkan **DUA** kesan sekiranya tiada pelaksanaan kempen kesedaran alam sekitar di Malaysia.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

3. Keratan akhbar di bawah menunjukkan gejala rasuah yang berlaku di negara kita.

Rasuah membimbangkan: Kaji selidik

Seremban: Soal selidik dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati 82 peratus responden berpendapat isu rasuah dan salah guna kuasa di negara ini berada pada tahap membimbangkan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil, berkata data itu adalah hasil daripada soal selidik terhadap responden yang terdiri daripada pelajar, kakitangan awam dan swasta serta pesara pada Hari Antirasuah yang diadakan di seluruh negara.

Katanya, responden diminta menyatakan skala satu sehingga 10 berkenaan gejala rasuah berlaku di negara ini.

Pilihan responden

"Jika pilihan responden pada skala enam dan ke atas, kita klasifikasikan sebagai tahap serius dan apabila pengiraan dibuat, 82 peratus memilih skala enam dan ke atas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Lafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah di Wisma Negeri, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Menteri Besar,

Fakta nombor

82 PERATUS

responden berpendapat rasuah di Malaysia membimbangkan

Datuk Seri Aminuddin Harun mengetuai barisan EXCO dan pegawai kanan kerajaan negeri melafazkan ikrar bebas rasuah.

Ditanya sama ada SPRM terkejut dengan data diperoleh, Shamsun Baharin berkata, ia fakta dan semua pihak perlu menerimanya dengan terbuka.

Justeru katanya, menerusi Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, usaha mengekang budaya rasuah akan diperhebatkan dengan matlamat supaya Malaysia dikenali sebagai integriti dan bukan sebagai negara rasuah.

- (a) Berdasarkan keratan akhbar di atas, nyatakan **DUA** cara mengatasi gejala rasuah.

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

- (b) Nyatakan **DUA** jenis rasuah yang telah anda pelajari.

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

- (c) Senaraikan **SATU** nilai yang sepatutnya diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia.

[1 markah]

- (d) Pada pendapat anda, terangkan kesan yang akan berlaku kepada negara kita seandainya gejala rasuah semakin berleluasa.

[2 markah]

4. Peribahasa di bawah berkaitan dengan bijaksana memilih sahabat.

“Kawan gelap banyak, kawan menangis jarang bersua”
= **sahabat di waktu senang banyak, sahabat di waktu susah (melarat)**

(a) Senaraikan **DUA** ciri-ciri sahabat yang negatif.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Kongsikan **SATU** cara bagaimana anda memilih sahabat yang baik.

[1 markah]

(c) Nyatakan **DUA** keburukan memilih sahabat yang negatif dalam kehidupan anda.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(d) Anda dijemput oleh rakan untuk hadir ke Majlis Hari Lahir beliau tetapi dalam masa yang sama keluarga telah merancang untuk bercuti ke Port Dickson. Apakah tindakan yang perlu anda lakukan?

[2 markah]

5. Rajah 3 di bawah menunjukkan satu contoh vandalisme terhadap kemudahan awam.



Rajah 3

(a) Nyatakan **DUA** nilai yang sepatutnya diamalkan oleh masyarakat untuk menjaga kemudahan awam.

[2 markah]

(b) Mengapakah gejala vandalisme masih lagi berlaku?

[1 markah]

(c) Cadangkan **DUA** langkah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kemudahan awam.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(d) Seandainya rakan anda melakukan kesalahan vandalisme ke atas kemudahan awam di sekolah. Senaraikan **DUA** tindakan anda.

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

6. Rajah 4 di bawah menunjukkan setiap manusia mempunyai potensi diri.



Rajah 4

(a) Nyatakan **DUA** potensi yang ada di dalam diri anda.

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

(b) Nyatakan **DUA** kelemahan diri anda.

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

(c) Berdasarkan jawapan anda pada soalan 1(b). Bagaimanakah anda memperbaiki kelemahan yang ada dalam diri anda?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(d) Abang anda berminat dan berkemahiran dalam bidang Sains. Cadangkan **DUA** jenis pekerjaan yang sesuai dengan bidang tersebut.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

BAHAGIAN B (ESEI)

[10 Markah]

Jawab semua soalan

1. Gambar di bawah menunjukkan kehidupan beragama atau berkepercayaan dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Isu perkauman antara kaum merupakan masalah yang perlu ditangani segera oleh semua pihak.

Bagaimanakah **cara kita menghormati amalan keagamaan atau kepercayaan kaum lain?**

Berikan hujah anda berdasarkan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari.
